



**MEMBUDAYAKAN
RUKUN NEGARA
MEREALISASIKAN
PERPADUAN BANGSA**



CABARAN MALAYSIA DALAM MENYATU PADUKAN RAKYAT MALAYSIA

- 1 **Integrasi Dan Perpaduan Melalui Dasar Pendidikan**
- 2 **Penggunaan Bahasa Sebagai Alat Perpaduan**
- 3 **Hidup Berbudaya Dan Hidup Bermasyarakat**
- 4 **Keseimbangan Ekonomi Dan Kestabilan Dalam Negara**
- 5 **Perpaduan Antara Wilayah**
- 6 **Perpaduan Berasaskan Kepada Masyarakat Majmuk**
- 7 **Sukan Sebagai Alat Perpaduan**

Integrasi Nasional adalah satu usaha kerajaan yang berterusan dalam menjadikan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dapat disatukan dalam mengenetepikan perbezaan-perbezaan yang wujud melalui silang budaya hingga mampu mencipta keserasian dan kesepakan dalam menerima perbezaan berkenaan berdasarkan kepada kontrak sosial semasa memperjuangkan proklamasi kemerdekaan

USAHA KERAJAAN DALAM MENGUKUHKAN PERPADUAN MELALUI PELBAGAI BIDANG

**Meningkatkan taraf ekonomi
tanpa mengira kaum**



**Membangunkan infrastruktur
di luar bandar dan kampung**

**Menjadikan kawasan kejiranan
yang selamat dan meningkatkan
interaksi komuniti dalam kawasan
kejiranan**



**Meningkatkan bantuan
kepada rakyat melalui agensi
kerajaan tanpa mengira latar
belakang**

**Menyediakan peluang pendidikan
berasaskan kepada meritokrasi
tanpa meminggirkan kaum
lain untuk memupuk semangat
perpaduan**



PENGENALAN

1 Negara telah mengalami kepesatan pembangunan dari segi infrastruktur dan ekonomi. Rakyat Malaysia sepenuhnya telah mengamalkan konsep demokrasi berpelembagaan dengan menjunjung dan mendokong Rukun Negara sebagai tunjang utama untuk menuju sebuah Negara maju yang aman makmur.

2 Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan kepelbagaian dalam amalan hidup. Perbezaan dan kepelbagaian dari segi kepercayaan, budaya, adat resam dan agama didasari dengan semangat toleransi, hormat menghormati sesama kaum demi keharmonian dalam menjaga hubungan antara etnik.

Kerajaan juga amat memandang **serius terhadap pengukuhan perpaduan nasional** dan **unsur negatif** yang boleh memecah belahkan **kesepakatan antara kaum**. Untuk menjadi sebuah **Negara Bangsa** yang penuh dengan **tatasusila dan kesantunan keperibadian, nilai murni dalam penghayatan** pada intipati **Rukun Negara** perlu diperhalusi sebagai benteng asas kepada semua **rakyat Malaysia** untuk dijadikan sebagai **ideologi negara** yang ulung.



Bahagian Penerbitan Dasar Negara (BPDN)
Jabatan Penerangan Malaysia

HASRAT KERAJAAN DALAM MENCAPAI INTEGRASI NASIONAL:

Dalam membina jati diri yang ampuh, seorang warganegara perlu memahami asas membentuk 'Perpaduan' dalam mencapai hasrat kerajaan untuk mewujudkan integrasi nasional sebagai satu perhubungan yang kuat antara satu sama lain.

Demi membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian, asas integrasi masyarakat Malaysia perlu menerapkan nilai-nilai toleransi yang tinggi dengan bertunjangan kepada persefahaman tanpa mengira ideologi politik masing-masing.



“PERPADUAN ADALAH AMAT PENTING, KERANA JIKA TIDAK ADA PERPADUAN MAKA KITA TIDAK AKAN MENIKMATI KEAMANAN DAN JIKA TIDAK ADA KEAMANAN MAKA TIDAK AKAN ADA PEMBANGUNAN DAN PROSPERITI” - Allahyarham Tun Abdul Razak

(Sumber dipetik daripada: Ucapan YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Dalam Majlis Sentuhan Kasih DiRaja Perlis, 19 April 2015)



USAHA KERAJAAN DALAM MENGUKUHKAN PERPADUAN MELALUI PELBAGAI BIDANG. :

Kerajaan komited dalam menumpukan perhatian kearah mencapai Sasaran Program Transformasi Kerajaan (GTP) bagi merancak ekonomi dan memakmurkan negara antaranya ialah dengan:

Meningkatkan taraf ekonomi tanpa mengira kaum



Membantu membentuk sebuah negara yang berpendapatan tinggi dan sekaligus dapat memberi kemakmuran kepada negara melalui limpahan ekonomi yang lebih mapan.

Membangunkan infrastruktur di luar bandar dan kampung



Menyediakan prasarana dan utiliti asas kepada semua kaum termasuklah penduduk di Sabah dan Sarawak dengan meningkatkan bekalan air terawat dan program bekalan air di kawasan luar bandar termasuk menyelenggara infrastruktur asas ke kawasan berkenaan.

Menjadikan kawasan kejiranan yang selamat dan meningkatkan interaksi komuniti dalam kawasan kejiranan



Dengan menjadikan kawasan kejiranan yang selamat dan bebas dari jenayah, rakyat dapat tinggal dengan lebih selesa disamping dapat melaksanakan aktiviti harian tanpa rasa takut dengan ancaman jenayah yang sekaligus boleh menggugat keharmonian komuniti setempat.

Meningkatkan bantuan kepada rakyat melalui agensi kerajaan tanpa mengira latar belakang



Mengalakkan keterlibatan semua kaum dalam Program 1Azam bagi mengukuhkan jaringan ekonomi sendiri dan seterusnya menyumbang ke arah pengurangan jurang kemiskinan di kawasan bandar mahupun luar bandar.

Menyediakan peluang pendidikan berasaskan kepada meritokrasi tanpa meminggirkan kaum lain untuk memupuk semangat perpaduan



Bagi merealisasikan sebuah negara yang aman makmur, kerajaan sentiasa komited dalam menambah baik sistem pembelajaran di negara ini bersesuaian dengan era globalisasi yang kian mencabar.

CABARAN MALAYSIA DALAM MENYATU PADUKAN RAKYAT MALAYSIA:

Bagi mengekalkan nilai-nilai positif dalam membina kestabilan negara, perkara berikut adalah cabaran yang perlu dihadapi untuk membina hubungan yang baik antara kaum iaitu:

1. CABARAN INTEGRASI DAN PERPADUAN MELALUI DASAR PENDIDIKAN

Cabaran utama dalam menyatu padukan pelbagai kaum dengan melibatkan **sistem bahasa, kepercayaan, dan kebudayaan sesuatu kaum.** Ketika di zaman penjajah, pelajaran diberikan kepada segelintir **rakyat** bagi membolehkan mereka **memenuhi keperluan gunatengah ekonomi.**

Akibat daripada perbezaan ini kerajaan perlu mengambil satu dasar yang proaktif dan tersusun bagi memastikan proses integrasi nasional di peringkat awal persekolahan dapat dilaksanakan secara bijaksana.



2. CABARAN PENGGUNAAN BAHASA SEBAGAI ALAT PERPADUAN

Bahasa pengantar adalah satu medium dalam membentuk perhubungan antara kaum. Penggunaan satu bahasa dalam merapatkan jurang sosial antara kaum adalah bagi menjauhi rasa prasangka.

Bahasa adalah persoalan yang rumit dan dianggap sebagai penghalang kepada integrasi nasional. Jika tidak ditangani dengan baik, ia boleh menjadikan **hubungan sosial antara kaum bertambah longgar.**



3. CABARAN HIDUP BERBUDAYA DAN HIDUP BERMASYARAKAT

Memupuk perpaduan nasional adalah misi utama di negara ini. Seiring dengan masa, **masyarakat majmuk di Malaysia** kian terdedah dengan pelbagai **corak kehidupan** dan **budaya** hasil daripada pergaulan samada sesama **bangsa** mahupun antara **etnik** yang akhirnya akan membentuk satu **polarisasi kaum** yang pelbagai dan **unik**.

Masyarakat di negara ini mendepani cabaran dalam beberapa perubahan semasa dalam **bentuk peradapan** dan **cara hidup bermasyarakat** hasil daripada pertembungan dari segi **hubungan sosial, kebudayaan, beragama, makanan** dan **perkahwinan**.



4. CABARAN KESEIMBANGAN EKONOMI DAN KESTABILAN DALAM NEGARA

Melalui penyediaan bajet 2015 kerajaan telah menyusun strategi dan teras bagi memenuhi ekonomi keperluan rakyat yang mengimbangi keperluan semua. Keseimbangan ini dijangka dapat mengembangkan ekonomi negara dengan lebih mapan disamping menjaga kepentingan rakyat dengan memberi penekanan kepada tujuh (7) strategi melalui RMKe-10 iaitu:



(Sumber dipetik daripada : Bajet 2015 Impak dan Faedah " Ekonomi Keperluan Rakyat")


5. CABARAN PERPADUAN ANTARA WILAYAH

Dalam **RMKe-11** salah satu teras yang didokong sebagai strategi dalam **menangani keperluan rakyat** ialah dengan **memperkukuhkan inklusiviti** ke arah masyarakat yang saksama agar dapat **dimanfaatkan hasil** daripada **pertumbuhan ekonomi** tanpa mengira **etnik, status sosio ekonomi** dan **kedudukan geografi**. Tumpuan kepada **sokongan berasaskan outcome** dan **bantuan berdasarkan produktiviti** yang merangkumi isi rumah berpendapatan **40% terendah**.



Kerajaan mempunyai cabaran yang besar dalam memastikan pertumbuhan yang seimbang dalam mentransformasikan kawasan luar bandar dengan mewujudkan peluang pekerjaan melalui pelbagai bidang dan menambah baik hubungan antara kawasan bandar.

(Sumber dipetik dan disunting daripada: RMK-11 2016-2020: Pertumbuhan Perpaksikan Rakyat).



6. CABARAN PERPADUAN BERASASKAN KEPADA MASYARAKAT MAJMUK

Kerajaan berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang inklusif dan mempunyai acuan tersendiri setaraf dengan negara maju dengan melaksanakan pengurusan kewangan bersepadu.

Keamanan yang diharapkan adalah melalui **penyatuan** yang mampu **membentuk kesepaduan nasional yang lebih utuh, kestabilan politik yang mapan, ketinggian taraf hidup, pengukuhan nilai moral dan etika, sistem berkerajaan** yang lebih kukuh dengan mengakui bahawa **Malaysia adalah ‘tanah tumpahnya darahku’**.





Cabaran pada masa akan datang kepada Malaysia semasa pasca 2020 bergantung kepada bagaimana rakyat mengemudi era baharu ekonomi yang penuh cabaran dan perlu diharungi dengan penuh keyakinan melalui aspirasi berteraskan rakyat

7. CABARAN MENJADIKAN SUKAN SEBAGAI ALAT PERPADUAN

Kerajaan telah mengambil kaedah terbaik dengan menjadikan sukan sebagai alat perpaduan melalui inisiatif program 1Murid 1Sukan diperingkat sekolah bagi menyemai semangat melalui sukan



Menerusi **strategi RMK-11 – Meningkatkan kesejahteraan rakyat, sukan digiatkan untuk kehidupan yang sihat dan mempupuk perpaduan** dengan mengalakkan penyertaan dalam sukan massa di semua **peringkat masyarakat** untuk **membudayakan sukan**. Ini termasuklah mengadakan **kepemimpinan belia** dalam sukan disamping **membangunkan atlet berprestasi tinggi** untuk mencapai **reputasi global**.

(Sumber di petik daripada, RMK-11 Teks Ucapan YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak).

PERLAKSANAAN MENDEPANI CABARAN ARUS PERDANA

Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelan Pembangunan Pendidikan Negara

Pelan Pembangunan Pendidikan Negara 2013-2015 telah diwujudkan hasil daripada Keputusan melaksanakan kajian semula sistem pendidikan dibuat dalam konteks standard pendidikan antarabangsa yang kian meningkat, peningkatan aspirasi negara dalam mempersiapkan generasi muda untuk menghadapi keperluan abad ke-21.

Pelan ini melakarkan visi sistem pendidikan dan aspirasi murid yang dapat memenuhi keperluan negara pada masa depan. Pelan ini juga mencadangkan 11 anjakan strategik dan operasi yang perlu dilaksanakan oleh kementerian bagi mencapai visi yang dihasratkan.



(Sumber dipetik daripada Ringkasan eksekutif - <http://www.moe.gov.my/>)

BAHASA KEBANGSAAN BAGI SEMARAKKAN CINTA KEPADA NEGARA

Penggubalan undang-undang di negara ini telah menjelaskan bahawa **Bahasa Melayu** adalah bahasa rasmi/kebangsaan termasuklah pengamalan dalam pelbagai bidang dalam berkomunikasi. Ia perlu diamalkan dengan **menghayati Keluhuran Perlembagaan** sebagai tunjang utama hidup bermasyarakat di samping memelihara hubungan kaum.



Bulan Bahasa Kebangsaan diwujudkan adalah bermatlamatkan memupuk semangat cintakan Bahasa Malaysia dalam kalangan masyarakat. Ini kerana masyarakat masa kini kurang menghayati serta menggunakan Bahasa Malaysia dalam kehidupan seharian mereka.

ASPIRASI PENGAMALAN KESEDERHANAAN BERDASARKAN RUKUN NEGARA

Pertukaran budaya yang giat dan sedang berlaku di **Malaysia** sedikit sebanyak telah banyak **mengubah persepsi** dan **hubungan antara kaum** terutamanya apabila **hubungan sosial** tersebut terjalin hasil dari **perkahwinan, toleransi (hidup berjiran), pertukaran budaya, makanan dan beragama**. Semua proses ini secara tidak langsung dapat membantu dalam **mengeratkan hubungan kaum** di negara ini di samping dapat **membentuk kerjasama** dalam komuniti.

Konsep penerimaan, bertolak ansur antara kaum dan saling menghormati tanpa menjejaskan perasaan kaum yang lain, dapat dirungkaikan melalui prinsip Rukun Negara ke-6 iaitu Kesopanan dan Kesusilaan tentang tanggungjawab sebagai warganegara yang perlu dipatuhi.



MEMUPUK KESEPADUAN NASIONAL DAN TAAT SETIA KEPADA RAJA, DAN NEGARA

Rakyat kini lebih gemar menggunakan **laman sosial sebagai 'keyboard warrior'** dan **sering menyebarkan maklumat tidak sahih** serta disebar luas **tanpa fakta yang jelas**. Ini berikutan daripada wujudnya **penyalahgunaan kebebasan bersuara** hingga mengaibkan imej kerajaan.

Kerajaan juga cekal **menghadapi pelbagai isu berbangkit** dalam pelbagai bentuk samada dari **segi politik, kefahaman agama** mahupun budaya melalui **penguatkuasaan undang-undang bersepadu** bagi mengekang masalah yang boleh **mengugat kestabilan negara**.



KESEIMBANGAN EKONOMI MELALUI AGENDA MEMPERKASAKAN EKONOMI BERPAKSIKAN RAKYAT

Cabaran utama kerajaan masa kini adalah untuk memastikan **kuasa beli rakyat semakin tinggi** dengan melaksanakan beberapa strategi bagi **memperkukuhkan ekonomi negara untuk kelesaan** masa akan datang.

Antara lainnya dengan **mewujudkan keseimbangan pendapatan rakyat** dengan berazam agar **tidak meminggirkan mana-mana kaum** dalam **arus pembangunan ekonomi** menerusi pelbagai **agenda memperkukuh** dan **meningkatkan pendapatan ekonomi negara** dalam pelbagai bidang.



Enam (6) cabaran yang telah digariskan dalam RMK-11 ialah:



(Sumber dipetik daripada: RMK 11 2016-2020, Pertumbuhan Perpaksian Rakyat)

PEMBENTUKAN RUKUN NEGARA

1

Sistem kerajaan berparlimen telah digantung berikutan daripada pelbagai provokasi melampau hingga menggugat keamanan negara oleh pelbagai parti politik.

2

Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan bertujuan untuk mengembalikan keamanan, menegakkan semula undang-undang negara dan memupuk suasana harmoni dan saling percaya di antara masyarakat berbilang kaum.

3

Majlis Perundangan Negara yang keanggotaannya terdiri daripada seorang pengerusi (Allahyarham Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein merangkap Pengarah MAGERAN), tiga orang menteri (Allahyarham Tun Dr Ismail bin Dato' Abdul Rahman, mendiang Tun Tan Siew Sin dan mendiang Tun V.T Sambanthan), wakil-wakil kerajaan negeri dan wakil-wakil daripada tokoh-tokoh agama, badan-badan profesional, perkhidmatan awam, kesatuan sekerja, wartawan, persatuan guru-guru dan wakil-wakil kumpulan kecil.

4

Majlis Perundangan Negara telah merumuskan bahawa satu ideologi yang mampu mengatasi garis pemisah antara kaum perlu diwujudkan di negara ini. Berasaskan keputusan tersebut, maka lahirlah RUKUN NEGARA yang telah diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong Keempat pada 31 Ogos 1970 sempena ulang tahun ke-13 kemerdekaan negara.

MATLAMAT DAN OBJEKTIF PEMBENTUKAN RUKUN NEGARA

- Rukun Negara terbahagi kepada dua bahagian:-

1. BAHAGIAN PERTAMA

Objektif

01

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

02

Memelihara satu cara hidup demokratik;

03

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

04

Membentuk satu sikap yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbilang corak dan;

05


Membina sebuah masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Lima Prinsip Rukun Negara

- 1 Kepercayaan Kepada Tuhan
- 2 Kesetiaan Kepada Raja dan Negara
- 3 Keluhuran Perlembagaan
- 4 Kedaulatan Undang-Undang
- 5 Kesopanan dan Kesusilaan

Kepercayaan Kepada Tuhan

- Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Islam ialah agama rasmi Persekutuan.
- Tindakan membeza-bezakan terhadap seseorang warganegara atas alasan agama adalah dilarang sama sekali
- Lain-lain agama dan kepercayaan boleh diamalkan dengan aman dan tenteram di mana-mana bahagian di dalam Persekutuan.
- Ketiadaan agama boleh meruntuhkan keperibadian seseorang dan juga sesuatu bangsa dan negara.



Kesetiaan Kepada Raja dan Negara

- Setiap warganegara hendaklah menumpukan sepenuh taat setia, jujur dan ikhlas kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.
- Di peringkat negeri pula, rakyat dikehendaki menumpukan taat setia kepada raja yang memerintah negeri tempat mereka bermastautin tanpa mengurangkan taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong.



Keluhuran Perlembagaan

- Fungsinya untuk memberi perlindungan kepada setiap rakyat negara ini akan hak dan keistimewaan mereka sebagai warganegara.
- Setiap warganegara Malaysia dikehendaki menghormati, menghargai, memahami maksud dan kandungan serta latar belakang sejarah.
- Perlembagaan negara ini telah digubal berasaskan kesepakatan semua kaum dan semua pihak di negara ini.
- Ianya adalah kontrak sosial rakyat yang tidak boleh dipersoalkan dan diganggu gugat oleh mana-mana individu atau mana-mana pihak.
- Merupakan sumber rujukan bagi segala hal yang berkaitan dengan sistem pemerintahan, perundangan, kedudukan dan hak sosio-ekonomi rakyat.

Kedaulatan Undang-Undang

- Menjamin kehidupan anggota masyarakat dapat bergerak lancar dan teratur tanpa sebarang kekacauan, di mana semua anggota masyarakat akan merasa selamat.
- Hak-hak semua rakyat boleh diamalkan dengan bebas asalkan tidak melanggar undang-undang serta perkara-perkara sebagaimana yang dijamin oleh Perlembagaan.
- Hak-hak dan kebebasan yang dijamin oleh Perlembagaan itu tidaklah termasuk hak menggulingkan Kerajaan sama ada dengan kekerasan atau dengan cara-cara yang tidak menurut Perlembagaan.



Kesopanan dan Kesusilaan

- Membentuk warga yang bersopan santun dan bersusila selaras dengan kempen Budi Bahasa dan Nilai-Nilai Murni. Individu yang bersopan santun dan bersusila adalah amat penting dalam konteks perhubungan pelbagai kaum di negara ini.
- Membentuk individu berdisiplin dan bermoral yang akan membantu mewujudkan sebuah masyarakat yang baik, berbudi bahasa, bersopan santun dan bersusila serta dapat mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang harmoni dan bersatu padu.



(Sumber dipetik daripada: Buku Kecil – Rukun Negara, Japen)

INISIATIF KHAS KERAJAAN DALAM MENGEKALKAN KEHARMONIAN NEGARA

MAJLIS KONSULTASI PERPADUAN NEGARA (MKPN)

TUJUAN

1

Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) telah ditubuhkan pada 11 September 2013 susulan dari Pilihanraya Umum Ke 13. Ia sebagai usaha penyatuan nasional (*national reconciliation*) untuk mengurangkan polarisasi kaum dan usaha membina bangsa Malaysia yang bersatu padu.

2

Tujuannya adalah untuk membincangkan isu-isu sukar dalam kalangan masyarakat Malaysia yang kompleks bagi merintis jalan untuk mencari penyelesaian dan merapatkan jurang yang menghalang perpaduan.

3

Konsep penyatuan nasional tidak berkait dengan agenda politik jangka pendek atau pilihanraya. Matlamatnya ialah untuk membina bangsa yang memerlukan kerja keras dan tidak boleh dicapai dalam sekelip mata

LATAR BELAKANG

Pada 15 September 2011, dalam perutusan khas Hari Malaysia, Y.A.B. Perdana Menteri di dalam ucapannya telah mengumumkan bahawa mengikut **Fasal 3, Perkara 150 Perlembagaan 24 Persekutuan** ketiga-tiga proklamasi dharurat yang telah diistiharkan dahulu ditamatkan kuatkuasanya.

Penubuhan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) bersandarkan kepada Ordinan (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat, 1969 di bawah Peratoran-Peratoran Perlu (Majlis Perpaduan Negara) keperluan menubuhkan sebuah badan yang menjadi mekanisma perpaduan bagi menggantikan PANEL telah diilhamkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri di bawah konsep penyatuan nasional (*national reconciliation*). Ia dicadangkan sebaik sahaja selesainya **Pilihanraya Umum Ke 13** dalam bulan Mei 2013 yang lalu.

(Fakta disemak oleh: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri)



Berasaskan kepada pemerhatian umum dan trend pengundian ketika itu, tanda-tanda **polarisasi kaum** mula wujud dan **perlu ada sebuah mekanisma bebas untuk membincangkan dan mencari jalan penyelesaian terbaik** di dalam mengatasi **isu-isu polarisasi kaum dan perpaduan** yang berbangkit. Maka hasilnya, pada 11 September, 2013, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju menubuhkan sebuah badan yang dikenali dengan **Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional (MKPN)** atau “*National Unity Consultative Councils (NUCC)*”.

(Fakta disemak oleh: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri)

AGENDA UTAMA MAJLIS KONSULTASI PERPADUAN NEGARA

1

**AGENDA
PERTAMA:**
Menangani
polarisasi
kaum dalam
aspek yang
meluas

2

**AGENDA
KEDUA:**
Memupuk
keharmonian
di antara
penganut
pelbagai
agama

3

**AGENDA
KETIGA:**
Dasar-dasar
kerajaan
yang
berbentuk
inklusif.



(Fakta disemak oleh: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri)

MISI UTAMA DIALOG PERPADUAN

- Merupakan satu pendekatan terbaik bagi mendapatkan idea, pandangan dan cadangan-cadangan dari masyarakat akar umbi berkaitan dengan isu-isu perpaduan negara dan integrasi nasional.
- Menggunakan pendekatan Suara Akar Umbi atau *'Voice of the Grassroots'* yang akan menjadi jambatan perpaduan yang diharapkan dapat memperkasakan keharmonian ke arah penyatuan nasional.
- Memberi gambaran jelas terhadap kesefahaman dan semangat muhibah yang diamalkan antara kaum serta meninjau sejauh mana ianya mencapai objektif ke arah pembentukan Malaysia yang bersatu dan beridentiti nasional.



(Fakta disemak oleh: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri)

DIALOG PERPADUAN

- Dialog Perpaduan telah diadakan di 18 bandar-bandar utama seluruh negara.
- Antara perkara yang dititik beratkan dalam penganjuran dialog ini adalah untuk mendapatkan pandangan mengenai usaha-usaha kerajaan untuk:



KENAPA SEMUA RAKYAT MALAYSIA PERLU #SEHATI SEJIWA?



Malaysia #sehatisejiwa kerana:

Cerminan roh kesepaduan, kesefahaman, kekitaan dan nilai-nilai kemanusiaan yang dimiliki oleh seluruh rakyat Malaysia

Kesenadaan Malaysia #sehatisejiwa setiap lapisan masyarakat Malaysia akan terus menyatukan kita tanpa mengira garis sempadan nautika lautan, susur galur keturunan, kepercayaan, adat resam dan negeri kelahiran.

Kerukunan dan keharmonian yang wujud adalah hasil daripada perpaduan semua kaum yang harus diiktiraf dan diraikan bagi menyemarakkan lagi perasaan kasih, sayang serta hormat menghormati sesama kita.

Meniupkan nafas patriotisme yang mendalamkan rasa cinta kepada negara.



Diterbitkan oleh:

**Bahagian Penerbitan Dasar Negara (BPDN)
Jabatan Penerangan Malaysia
Kementerian Komunikasi dan Multimedia
Malaysia (KKMM)**

Laman Web: www.penerangan.gov.my
Portal : pmr.penerangan.gov.my
Emel : webmaster@inform.gov.my

B.018(B.M) OGOS 2015 (0.50.)

CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT.NO:MY-AR5240

SETINGGI PENGHARGAAN KEPADA:

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)
Jabatan Perdana Menteri

